

Kosa Kata Latin dalam Bahasa Melayu

Kemasukan kata Latin dalam bahasa Melayu merupakan kajian penting perihal asal usulnya dalam bahasa Melayu. Asal usul perkataan atau etimologi ialah penelitian sejarah perkataan (Durkin, P, 2009), iaitu hal menjejaki sejarah linear perkataan. Kata pinjaman Latin dalam bahasa Melayu cukup menarik kerana kebanyakan kata Latin yang dipinjam merupakan pinjaman secara total, iaitu tanpa sebarang perubahan bentuk visual dan maknanya.

Bahasa Latin merupakan antara bahasa pada tertua di dunia dan dituturkan bermula abad ke-6 sebagai bahasa Rumawi purba. Nama bagi bahasa Latin diperoleh dari daerah Latium di Itali, tempat orang Rom menuturkan bahasa tersebut. Malangnya, bahasa Latin yang menjadi bahasa agung dan bahasa pertuturan orang Rumawi pada suatu ketika dahulu, kini menjadi bahasa yang mati atau usang kerana tidak lagi dituturkan secara rasmi oleh masyarakat.

Kini, bahasa Latin terhad pertuturan dan penggunaannya dalam kalangan paderi dan sarjana tertentu sahaja. Selain itu, bahasa tersebut hanya digunakan dalam kajian dan upacara ibadat dan bacaan mazmur dalam perayaan agama Kristian, terutamanya dalam mazhab Roman Katolik sekarang.

Dalam pada itu, sumbangan bahasa Latin amat besar kepada bahasa-bahasa dunia. Antara sumbangan terbesar bahasa Latin termasuklah sumbangan kosa katanya kepada bahasa-bahasa dunia, khususnya bahasa-bahasa Eropah termasuk bahasa Inggeris yang meminjam beratus-ratus perkataan dan ungkapan daripada bahasa Latin. Selain itu, banyak awalan Latin dimanfaatkan untuk membentuk istilah sains dan teknologi dalam bahasa-bahasa dunia, termasuk dalam bahasa Melayu.

Dikatakan bahawa, untuk memahami bahasa Inggeris, pengetahuan bahasa Latin amat perlu memandangkan bahasa Inggeris purba meminjam sebilangan besar kosa kata secara terus atau melalui bahasa Perancis ke bahasa tersebut sehingga bahasa Inggeris dirujuk sebagai bahasa *Latinate*, iaitu bahasa yang mempunyai ciri-ciri bahasa Latin. Hampir 60% daripada perkataan Inggeris terdiri daripada kata Latin sekarang (Lisa, H, 2012 dalam "Benefits of Latin?"). Stockwell dan Minkova (2001) dalam *English Words: History and Structure* pula berpendapat bahawa hampir 80% kosa kata Inggeris terdiri daripada kata pinjaman, termasuk kosa kata Latin.

Kebanyakan perkataan yang terserap itu digunakan dalam pertuturan dan penulisan bahasa Inggeris sehingga hari ini. Ungkapan dan perkataan Latin juga terdapat dalam hampir semua bahasa dunia, khususnya dalam bidang sains, undang-undang dan akademik.

Antaranya termasuk perkataan dan ungkapan *ad hoc*, *aqua*, *folium* (*leaf*) herba, *lingua*, prima, sub, dan *villa*. Kini, perkataan tersebut berubah menjadi *water*, *leaf*, *herb*, *language*, *first*, *under*, dan *village* dalam bahasa Inggeris. Dalam pada itu, terdapat juga sebilangan perkataan Latin yang dipinjam bulat-bulat, iaitu tanpa

perubahan ejaan dan maknanya. Antaranya termasuk perkataan dalam Jadual 1.

Selain itu, terdapat beberapa ungkapan atau frasa Latin yang dipinjam ke bahasa Inggeris, seperti dalam Jadual 2.

Seperti dalam bahasa Inggeris, terdapat juga sebilangan kosa kata bahasa Melayu yang terdiri daripada kata pinjaman bahasa Latin. Kebanyakan perkataan dan ungkapan tersebut masuk ke bahasa Melayu melalui saluran kedua, iaitu bahasa Inggeris. Hal ini berlaku akibat penjajahan Inggeris dan kesan pertembungan antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Kemasukan kata Latin dalam bahasa Melayu merupakan kajian penting perihal asal usulnya dalam bahasa Melayu. Asal usul perkataan atau etimologi ialah penelitian sejarah perkataan (Durkin, P, 2009), iaitu hal menjejaki sejarah linear perkataan. Kata pinjaman Latin dalam bahasa Melayu cukup menarik kerana kebanyakan kata Latin yang dipinjam merupakan pinjaman secara total, iaitu tanpa sebarang

<i>abacus</i>	<i>agenda</i>	<i>antenna</i>	<i>arena</i>
<i>audio</i>	<i>bonus</i>	<i>debit</i>	<i>diploma</i>
<i>editor</i>	<i>ego</i>	<i>forum</i>	<i>idea</i>
<i>item</i>	<i>mentor</i>	<i>professor</i>	<i>regimen</i>
<i>senator</i>	<i>stadium</i>	<i>tribunal</i>	<i>visa</i>

Jadual 1 Kata Latin dalam Bahasa Inggeris.

<i>ad hoc</i> , <i>alma mater</i> , <i>de facto</i> , <i>habeas corpus</i> , <i>in absentia</i> , <i>in camera</i> , <i>faissez-faire</i>	<i>magnum opus</i> , <i>modus operandi</i> , <i>prima facie</i> , <i>status quo</i> , dan <i>vice versa</i> .
---	---

Jadual 2 Ungkapan Latin dalam Bahasa Inggeris.

perubahan bentuk visual dan maknanya.

Pinjaman jenis ini disebut pinjaman terus, iaitu pinjaman yang dilakukan secara langsung dari satu bahasa ke bahasa lain. Umpamanya, ungkapan Latin *bona fide* yang merupakan istilah dalam bidang undang-undang, dipinjam terus ke bahasa Inggeris. Demikian juga istilah tersebut dipinjam terus ke bahasa Melayu dari bahasa Inggeris. Kini, istilah yang membawa maksud secara literal, "in good faith", sudah digunakan dalam kebanyakan bahasa dunia untuk menyampaikan maksud "betul dan asli" (*real dan genuine*).

Ada juga sebilangan perkataan dan ungkapan yang dipinjam ke bahasa Melayu dengan sedikit penyesuaian ejaan, selaras dengan sistem bunyi bahasa tersebut. Misalnya, kata *vaccum* menjadi vakum dan *professor* menjadi profesor dalam bahasa Melayu. Hal ini dilakukan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam *Pedoman Umum Pembentukan Istilah bahasa Melayu* (2004).

Dalam perbincangan ini, beberapa daripada ungkapan Latin

yang masuk ke bahasa Melayu melalui saluran bahasa Inggeris sejak dahulu lagi akan diteliti. Selain memberi makna ungkapan tersebut, asal usulnya juga diuraikan. Kini, kata-kata tersebut sudah dirakam dalam kamus Melayu, termasuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015). Antaranya termasuklah perkataan dan rangkai kata *ad hoc*, *alma mater*, *bona fide*, *in toto*, *adendum*, *esprit de corps*, *habeas corpus*, *modus operandi*, dan *ultra vires*. Berikutnya, asal usul beberapa kata dan ungkapan Latin akan diuraikan.

Etimologi Kata Latin dalam Bahasa Melayu

ad hoc

Kata *ad hoc* membawa maksud "berkenaan sesuatu perkara yang dilakukan untuk tujuan tertentu tanpa perancangan awal, jawatankuasa" (*Kamus Dewan*, 2015). Sebenarnya, kata tersebut pertama kali dicatatkan *Kamus Dewan* (1970) dengan maksud "untuk perkara istimewa". R.O. Winstedt (1965) mentakrifkan kata *ad hoc* sebagai 'khas' dalam kamusnya.

Menurut Martin, H. M (2002) dalam *The Facts on File Dictionary of Foreign Word and Phrases*, ungkapan ini dalam bahasa Latin bermaksud "to this, for this" (untuk ini). *Reader's Digest Oxford Wordfinder* (1994) menerangkan *ad hoc* sebagai "for a particular purpose", iaitu untuk tujuan tertentu. Dengan hal yang demikian, kata tersebut digunakan dalam bahasa Melayu untuk mendukung maksud yang agak berbeza daripada maksud asal dalam bahasa Latin. Hal ini demikian kerana ungkapan ini dipinjam terus daripada kata Inggeris, sekali gus dengan maknanya sekali.

Dalam pada itu, ungkapan ini sudah lama digunakan dalam konteks umum dan khusus dalam bahasa Melayu. Perhatikan antara beberapa penggunaannya di bawah:

- i. Perubahan secara *ad-hoc* tidak akan membawa kebaikan kepada sesiapa, sebaliknya boleh membawa keburukan jangka panjang kepada negara.
- ii. Dari segi *ad-hoc*, katanya tindakan dilakukan dengan menggali sungai dan parit, manakala kelodak dan sampah sarap dibuang bagi mempercepatkan pemulihan sungai.
- iii. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan tidak memusatkan program-program sedia ada dan ia diadakan secara *ad-hoc*, yang menyebabkan ramai guru, guru besar dan penolong kanan tidak dapat mempertingkatkan kemahiran mereka, katanya di sini.

Sumber: <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp>

alma mater

Ungkapan *alma mater* berasal daripada bahasa Latin, gabungan '*alere*' (menyuburkan) dan *mater* (ibu), untuk mendukung makna '*fostering mother*' (ibu yang mengasuh) (Martin H. Manser (2002), *The Facts on File Dictionary of Foreign Words and Phrases*). Ungkapan ini sudah digunakan dalam bahasa sejak tahun 1651 lagi. Kemudian, maksudnya diperluas untuk mencakupi makna 'sekolah atau universiti seseorang' bermula tahun 1710, khususnya dengan merujuk universiti British. Dalam *Online Oxford Dictionary*, *alma mater* diberikan erti '*the university*,

Kata *alibi* mendukung makna "claim or the evidence supporting it, that when an alleged act took place one was elsewhere" (Reader's Digest Oxford Wordfinder, 1994). Kata *alibi* pula ditakrifkan sebagai "bukti atau keterangan berada di tempat lain ketika berlaku sesuatu perbuatan jenayah" (Kamus Dewan, 2015).

school, or college that one formerly attended".

Ungkapan tersebut pula digunakan dalam bahasa Melayu dengan erti "sekolah, maktab atau universiti yang pernah menjadi tempat belajar seseorang" (Kamus Dewan, edisi keempat, 2015). Namun, kata ini pertama kali dicatat dalam *Kamus Dewan* pada tahun 1994. Perhatikan contoh penggunaannya dalam beberapa ayat, seperti yang berikut:

- i. Penulis sempat melawat *alma maternya* semasa berada di Kuala Lumpur pada bulan lepas.
- ii. Kita harus memberikan sanjungan terhadap pusat pengajian negara yang menjadi *alma mater* kita.
- iii. Universiti Pertanian Malaysia menjadi *alma mater* bagi Shameena.

Alibi

Kata *alibi* mendukung makna "*claim or the evidence supporting it, that when an alleged act took place one was elsewhere*" (Reader's Digest Oxford Wordfinder, 1994). Kata *alibi* pula ditakrifkan sebagai "bukti atau keterangan berada di tempat lain ketika berlaku sesuatu perbuatan jenayah" (Kamus Dewan,

2015). Kamus Winstedt (1965) menerangkan *alibi* sebagai saksi yang menyatakan orang yang kena dakwa ada di tempat lain pada masa orang yang dibunuh atau barang yang dicuri.

Dalam bahasa Latin, *alibi* bermaksud "*elsewhere*", iaitu di tempat lain. Kata Latin ini, dengan membawa maksud tersebut, sudah digunakan dalam bahasa sejak tahun 1743. Sebenarnya, kata tersebut merupakan satu lagi kata pinjaman Latin dalam bahasa Melayu. Dengan hal yang demikian, didapati bahawa makna *alibi* bahasa Latin agak berbeza daripada dalam bahasa Melayu kerana kata tersebut masuk ke bahasa Melayu melalui bahasa Inggeris.

Perhatikan antara beberapa penggunaan kata *alibi* dalam bahasa Melayu dalam dua buah buku yang berikut:

- i. Cuma setakat ini saya lebih suka menjadi *alibi* di dalam persatuan penulis seperti Kelab Sastera Dewan dan PENA," katanya lagi (Talib Samat, 1991, *Potret Kreatif*).
- ii. Oleh itu, penjenjangan bertindak pada masa yang sama sebagai satu kenyataan apabila ia menghalang sesuatu tindakan dan sebagai satu mitos apabila

ia menjadi *alibi* atau topeng kepada kelemahan diri sendiri (Malek Bennabi, 1991. *Islam Dalam Sejarah dan Masyarakat*).

de facto

Istilah *de facto* sudah agak lama digunakan dalam bahasa Melayu. Pertama kali kata tersebut dicatatkan dalam *Kamus Dewan* (1970) dan ungkapan itu dientrikan sebagai kata pinjaman bahasa Latin. Ungkapan tersebut digunakan khususnya dalam bidang undang-undang dengan mendukung erti sebagai "pada hakikatnya, pada kenyataannya, sebenarnya" dalam *Kamus Dewan* (2015).

Sementara itu, *de facto* dalam bahasa Latin secara literal bermaksud "sebenarnya, pada hakikatnya" (*Online Etymology Dictionary*). *Cambridge Dictionaries Online* menerangkan *de facto* sebagai "*existing in fact, although perhaps not intended, legal, or accepted*".

Oleh hal yang demikian, maksud kata *de facto* didapati hampir sama dalam bahasa Latin, Inggeris dan Melayu. Perhatikan beberapa penggunaan *de facto* dalam bahasa Melayu seperti yang berikut:

- i. Fahd kemudian menjadi pemerintah *de facto* selama tujuh tahun ketika pemerintahan Raja Faisal dan pada 13 Jun 1982, beliau secara rasmi bergelar Raja Fahd.
- ii. Beliau adalah pemerintah *de facto* Tampin, iaitu wilayah yang diberi oleh Penghulu Rembau untuk pegangan Yang Dipertuan Muda Rembau di masa lampau.
- iii. Keadaan ini akan dibetulkan kerana peperiksaan ini secara

de facto telah mengambil alih peperiksaan MSSEE.

Sumber: <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp>

Ex-officio

Ungkapan ini banyak digunakan dalam bidang pentadbiran dan undang-undang. Dalam bahasa Melayu, ungkapan ini membawa maksud, "atas dasar, memandangkan atau disebabkan jawatan" (Kamus Dewan, 2015). Kata ini pertama kali dicatatkan dalam *Kamus Dewan*, terbitan tahun 1994.

Ex-officio merupakan istilah yang diambil secara total daripada kata Latin *ex-officio* yang diberikan makna "*by virtue of a person's office or position*" (Manser, M. H. 2002, *Foreign Words and Phrases*). *Reader's Digest Oxford Complete Wordfinder* mentakrifkan *ex-officio* sebagai "*by virtue of one's office or status*". Berdasarkan entri makna dalam ketiga-tiga bahasa tersebut, didapati maknanya adalah sama. Perhatikan beberapa ayat bahasa Melayu yang menggunakan *ex-officio*, seperti yang berikut:

- i. Keputusan melantik mufti setaraf Exco menjadikan negeri ini mempunyai empat *ex-officio*.
- ii. Menurutny, sekiranya tiada tokoh wanita menganggotai jawatankuasa tertinggi parti, MT hanya mempunyai seorang wakil wanita, iaitu Ketua Wanita Umno, *ex-officio* yang setaraf naib presiden.
- iii. Mereka juga adalah *ex-officio* exco kerajaan negeri.

Sumber: <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp>

Kelihatan terdapat sedikit perbezaan makna antara bahasa Latin dan bahasa Melayu. Halnya demikian kerana, kata tersebut dipinjam secara langsung daripada bahasa Inggeris. Dengan itu, ungkapan tersebut mendukung makna seperti dalam bahasa Inggeris.

Habeas corpus

Ungkapan ini dalam bidang undang-undang membawa erti "perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah supaya seseorang dilepaskan daripada tahanan yang tidak mengikut undang-undang, atau writ" (Kamus Dewan, 2015). Dalam bahasa Latin, maksudnya ialah "*writ requiring a person to be brought before a court*" (writ yang memerlukan seseorang dihadapkan ke mahkamah) (*Online Etymology Dictionary*). Kelihatan terdapat sedikit perbezaan makna antara bahasa Latin dan bahasa Melayu. Halnya demikian kerana, kata tersebut dipinjam secara langsung daripada bahasa Inggeris. Dengan itu, ungkapan tersebut mendukung makna seperti dalam bahasa Inggeris. Perhatikan penggunaan ungkapan tersebut dalam akhbar *Berita Harian* seperti yang berikut:

- i. Dalam keputusannya hari ini, Hakim Raus juga

Dalam Kamus Dewan (2015), maksudnya dientrikan sebagai 'itu sendiri (ungkapan yang digunakan untuk menunjukkan bahawa sesuatu itu dipertimbangkan atas sifatnya sendiri, bukan berdasarkan hubungannya dengan perkara lain)'.

- memerintahkan permohonan *habeas corpus* Masoud didengar di hadapan hakim Mahkamah Tinggi yang lain. (*Berita Harian*, 15 Mac 2015)
- ii. Mahkamah Tinggi hari ini menolak permohonan *habeas corpus* difaillkan oleh kolumnis Arab Saudi, Hamza Kashgari Mohamad Najeeb untuk menentukan penahanan dan penghantarannya dari Malaysia ke Arab Saudi adalah menyalahi undang-undang. (*Berita Harian*, 22 Februari 2012).
- iii. Mahkamah Tinggi di sini menangguhkan sehingga 5 Ogos ini perbicaraan permohonan *habeas corpus* enam ahli Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang ditahan mengikut Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969. (*Berita Harian*, 22 Julai 2011).

Modus operandi

Modus operandi bermaksud "cara atau prosedur untuk melakukan atau melaksanakan sesuatu (*Kamus Dewan*, 2014). Ungkapan ini merupakan kata pinjaman bahasa Latin yang sudah digunakan

- dalam bahasa sejak tahun 1650. Menurut *Online Etymology Dictionary*, ungkapan ini membawa maksud "way of doing things atau accomplishing" (cara membuat sesuatu atau melaksanakan) dalam bahasa Latin, kini, ungkapan tersebut juga digunakan secara umum dalam majalah bahasa Melayu seperti yang berikut:
- Semua mangsanya yang terdahulu diperdaya dengan modus operandi yang hampir sama. (*Mastika*, Jun 1998).
 - Sehingga kini, kita masih belum mengetahui modus operandi MPPK. (*Dewan Masyarakat*, April 2001).
 - Dalam masa yang sama, modul atau modus operandi pelaksanaan kerja-kerja pembalakan tersebut sebahagian besarnya kita reka sendiri berdasarkan pengalaman yang lalu. (*Dewan Ekonomi*, Sept 2001)

Per se

Menurut *Reader's Digest Oxford Complete Wordfinder*, *per se* ialah kata Latin yang membawa maksud "by or itself, intrinsically". Menurut *Online Etymology Dictionary*, dalam bahasa Latin pula *per se*

bermaksud "by itself". Dalam *Kamus Dewan* (2015), maksudnya dientrikan sebagai "itu sendiri" (ungkapan yang digunakan untuk menunjukkan bahawa sesuatu itu dipertimbangkan atas sifatnya sendiri, bukan berdasarkan hubungannya dengan perkara lain).

- Ungkapan ini pertama kali dimasukkan dalam *Kamus Dewan* (1994). Perhatikan penggunaan ungkapan ini dalam beberapa buku bahasa Melayu untuk menyampaikan asalnya seperti yang berikut:
- Perbincangan ini khusus dilakukan terhadap proses kritikan itu sendiri, iaitu menghadapi karya sastra sebagai *per se*. (Sahlan Mohd Saman. 1986. *Sastra Bandingan Konsep: Teori dan Amalan*).
 - Puisi-puisi Latiff, terutama pada peringkat permulaan bersifat *non committed* dengan masalah sosial-politik ekonomi. Ia hanya melahirkan puisi *per se* dan meluahkan pengalaman seni batin. (*Peradaban Melayu*, 1997).
 - Adakalanya, dalam tindak balas, oksigen *per se* menjadi salah satu substrat dan bertugas menerima hidrogen. Dalam

hal demikian enzim sering juga disebut oksidase. (Kadiman Sihotong, 1984. *Asas Anzimologi*).

Status quo

Ungkapan *status quo* bermaksud "keadaan sebagaimana yang sedia ada tanpa dibuat sebarang perubahan" (*Kamus Dewan*, 2015). Menurut Martin Manser (2002), dalam *The Facts on File Dictionary of Foreign Words and Phrases*, *status quo* dalam bahasa Latin pula bermaksud "an existing state of affairs", iaitu suatu kedudukan hal ehwal semasa. Maknanya didapati hampir sama dengan makna dalam bahasa Melayu, memandangkan ungkapan tersebut masuk ke dalam bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris yang meminjam daripada bahasa Latin.

- Ungkapan ini sudah digunakan dalam bahasa Melayu dengan mendukung maksudnya. Perhatikan beberapa contoh pemakaiannya dalam beberapa majalah bahasa Melayu seperti yang berikut:
- PAS menetapkan tiga syarat iaitu pemberian semula royalti minyak kepada negeri Terengganu, mengembalikan *status quo* penerbitan akhbar *Harakah* kepada empat kali sebulan dan pembatalan cadangan pengguguran nama "Islam" pada pertubuhan dan parti politik. (*Dewan Ekonomi*, April 2001).
 - Mungkin ramai tidak tahu, terutama masyarakat Bumiputera, UEC adalah peperiksaan yang dijalankan di sekolah menengah persendirian Cina yang kini mendapat *status quo* dalam Akta Pendidikan 1996. (Mohd



- Fuad Razali. 2004. *IPTA: Putar belit maklumat punca kekeliruan*).
- iii. Seni dalam masyarakat Melayu dianggap sebagai *status quo*, kemewahan, kegunaan, keagamaan, ekonomi dan politik (Baharuddin Mohd Arus. 1998).
- Demikianlah perbincangan tentang beberapa ungkapan Latin yang terdapat dalam bahasa Melayu. Ungkapan tersebut didapati digunakan *in toto* dalam bahasa Melayu, iaitu tanpa perubahan ejaan dan dikekalkan bentuk visual asal Latin. Ungkapan ini bukan sahaja digunakan dalam bahasa Melayu, malah terdapat dalam kebanyakan bahasa dunia, termasuk bahasa Eropah dan Asia. Menurut Amat Juhari Moain dalam *Penggubalan Istilah Ilmiah dalam Bahasa Melayu* (2010), kata dan

ungkapan Latin juga digunakan dalam semua bahasa pada peringkat antarabangsa dengan mengekalkan ejaan yang sama seperti dalam bahasa Latin. Kurzon (2013), dalam "*Foreign and Archaic Phrases in legal texts*" menjelaskan bahawa kata dan ungkapan Latin tersebut sudah menjadi konsep universal dan dengan demikian, digunakan dalam bidang tertentu seperti undang-undang dalam semua bahasa, meskipun ada perkataan dalam bahasa masing-masing untuk menjelaskan konsep tersebut. Dengan hal yang demikian, kini perkataan dan rangkaian kata Latin digunakan secara meluas dalam kebanyakan negara, termasuk dalam bahasa Melayu untuk mendukung konsep sejagat yang difahami orang di dunia. DB